

Sukkar dapat jodoh

Gadis mahu bercinta selepas berkahwin supaya terhindar daripada dosa



? Saya buntu memandangkan masyarakat bercakap mengenai saya yang masih belum berkahwin.

Saya datang daripada keluarga alim yang begitu menitikberatkan soal agama. Justeru, saya tidak mempunyai teman lelaki.

Sebelum ini, saya ada berkenalan dengan seorang lelaki yang satu sekolah dengan saya, namun hubungan kami separuh jalan.

Saya sedih kerana masih tidak bertemu jodoh. Adakalanya usikan sahabat mengenai jodoh dan perkahwinan membuatkan hati saya tersentuh, sensitif dan sedih.

Saya selalu memendam perasaan dan cemburu melihat rakan-rakan yang bertemu jodoh sedangkan saya masih sendiri.

Ramai yang mempunyai persepsi saya seorang yang memilih dan cerewet dalam soal jodoh. Hakikatnya, saya tiada teman lelaki dan tidak berminat untuk bercinta sebelum bernikah.

Saya teramat sedih dan buntu mengenangkan kesukaran yang dilalui untuk bertemu jodoh.

Saya kerap bertanya mengapa perkara ini berlaku kepada saya? Saya malu dengan masyarakat

sekeliling dan sahabat handai yang kecoh bertanya mengenai jodoh.

Dr, sebenarnya saya tiada teman yang rapat dan mengidamkan cinta yang halal dan suci. Maksudnya, saya ingin bercinta selepas bernikah.

Saya takut menikmati rasa cinta sebelum berkahwin. Bagi saya, cinta yang suci hanyalah yang diredai Allah dan saya ingin

menikmatinya selepas bernikah.

MASIH Mencari, PAHANG

! Sebagai insan, lumrah untuk rasa dicintai dan mencintai. Cinta satu firrah di dalam hati setiap manusia. Apabila cinta tidak dipenuhi, lopongan jiwa dan konflik terasa.

Konflik bertambah apabila rakan dan masyarakat

sekeliling sibuk mempersoalkan siapa jodoh kita. Justeru, Dr menghargai prinsip adik mengenai cinta.

Dr sentiasa mendoakan adik akan menemui cinta yang diredai Allah.

Soal jodoh dan maut adalah ketentuan Allah. Tiada yang mengetahui jawapan sebenar. Jodoh akan menyapa apabila tiba waktunya.

Dr empati dengan perasaan malu dan kebuntuan

yang dirasakan apabila masyarakat mula bercakap soal jodoh adik. Tentunya, ia menjadi satu tekanan apabila keluarga, rakan-rakan dan masyarakat mula menilai dan bertanya mengenai soal perkahwinan.

Walaupun ada kalanya ia hanya bersifat usikan dan gurauan, soal jodoh dan perkahwinan boleh melukai hati dan bersifat sensitif bagi orang yang disapa.

Konflik semakin menebal jika terlalu memikirkan apa yang diperkatakan mengenai soal jodoh. Adik boleh memujuk hati dengan mengatakan adik hanya boleh merancang dan berusaha tetapi Allah yang dapat menentukan.

Kerisauan mengenai jodoh boleh dikurangkan dengan mengubah cara berfikir iaitu tidak perlu berkahwin hanya untuk menutup mulut orang lain.

Seterusnya, walaupun lambat berkahwin, adik akan berpuas hati apabila dapat jodoh yang memenuhi ciri lelaki pilihan.

Anggaphlah apabila sahabat dan masyarakat bertanya soal perkahwinan dan jodoh, pertanyaan dan sapaan dilakukan atas dasar ingin tahu.

Ia bukan untuk membuat penilaian atau memaksa adik mendapat jodoh. Sifat ingin tahu memang sentiasa ada dalam diri manusia.

Bukan mudah menemui lelaki yang benar-benar dapat memenuhi ciri pilihan. Tapi, apabila ditemui lelaki itu dan seterusnya cinta selepas bernikah, adik dirahmati dengan cinta yang tulus dan suci.

? Biarpun masalah saya ini tidak besar, namun masih mengganggu emosi sehingga menyebabkan pengajian sedikit terganggu.

Untuk pengetahuan, saya adalah siswa tahun akhir yang bakal menamatkan pengajian.

Saya berminat menjadi jurutera, namun apabila ibu mengetahui cita-cita saya, dia melenting.

Katanya, saya pandai-pandai membut pilihan kerjaya tanpa berbincang dengan keluarga.

Walaupun hairan dengan reaksi ibu, saya suarakan pendapat mengapa mahu memilih bidang kerjaya itu tapi ibu ternyata tidak mahu menerimanya.

Ibu bertegas mengatakan pilihan kerjaya itu tidak sesuai dengan saya, sebaliknya mahu saya memilih bidang perguruan.

Saya bukan mahu membangkang tapi bidang kerjaya pilihan ibu itu bukan menjadi minat saya. Tapi ibu memberi alasan

Ibu minta jadi guru

bahawa menjadi guru adalah kerjaya terbaik untuk saya.

Saya buntu dan terperangkap dengan desakan ibu. Saya tidak mahu menjadi anak derhaka tapi saya juga harus memikirkan masa depan sendiri.

SERBA SALAH, TERENGGANU

! Dalam pemilihan kerjaya, antara aspek yang perlu dipertimbangkan adalah minat dan cita-cita.

Kedua-dua aspek ini boleh menjadi pemangkin dalam menyokong kehendak individu untuk membina kerjaya masa depan.

Dr ucapkan tahniah kerana adik mempunyai wawasan tinggi untuk merealisasikan cita-cita sebaik tamat pengajian. Ini menunjukkan adik awal-awal lagi sudah tahu merencanakan

masa depan.

Tidak salah mahu menjadi jurutera atau apa saja pekerjaan lain asalkan ia halal dan mampu memberi kepuasan kepada individu.

Menjadi guru juga baik kerana boleh mendidik anak bangsa menjadi insan berjaya, malah jasa guru dalam memastikan tanggungjawabnya tercapai sangat besar dan sukar dibalas.

Dalam hal ini, adik boleh melakukan perbincangan dengan ibu walaupun sukar kerana usaha adik sebelum ini mendatangkan kegagapan.

Tapi Dr yakin walaupun hati ibu adik keras, namun jika kena pendekatan dilakukan, pasti hatinya akan lembut.

Adik boleh terangkan hasrat itu ketika emosi ibu berada dalam keadaan santai dan tenang. Pilih masa sesuai agar ibu mampu lebih

memahami.

Terangkan dengan penuh berhemah dan nyatakan dengan tulus serta alasan kukuh mengapa adik tidak boleh memenuhi permintaan ibu.

Jika ibu masih berdegil, adik mungkin boleh menggunakan khidmat orang tengah yang disenangi ibu seperti bapa, abang atau kakak untuk memujuk.

Dr percaya, lambat-lambat ibu mesti memahami asalkan adik tidak berputus asa. Kerana bagi seorang ibu, melihat kegembiraan dan kejayaan hidup seorang anak adalah anugerah paling indah serta bermakna.

Semoga berjaya dan Dr berdoa adik mampu mencapai cita-cita menjadi jurutera.

